

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 24 OGOS 2020  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 14

# Lebih 36,000 pelajar terima biasiswa PETRONAS lebih RM3b

**Lebih** 36,000 pelajar pada peringkat pengajian tinggi sudah menerima manfaat daripada Program Penajaan Pendidikan PETRONAS (PESP), membabitkan peruntukan melebihi RM3 bilion sejak diperkenalkan pada 1975.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Arthur Joseph Kurup, berkata daripada jumlah berkenaan, seramai 12,641 pelajar dari Sabah menerima manfaat PESP, membabitkan peruntukan RM213.11 juta, manakala 12,815 pelajar dari Sarawak dengan peruntukan RM411.66 juta.

Dalam tempoh 2010 hingga 2019, seramai 3,426 pelajar menerima tajaan PESP membabitkan peruntukan RM874 juta.

“Bagi pelajar di Sabah dan Sarawak, seramai 575 pelajar iaitu 17 peratus dengan kos tajaan melebihi RM100 juta. Di Sabah, seramai 245 pelajar mendapat tajaan PESP, masing-masing 163 pelajar ditaja untuk mengikuti pengajian di universiti tempatan dan 82 pelajar bagi universiti di luar negara.

“Di Sarawak, 330 pelajar mendapat tajaan PESP, masing-masing 234 pelajar ditaja untuk pengajian di universiti tempatan dan 96 pelajar mendapat tajaan bagi universiti di luar negara,” katanya menjawab soalan Awang Husaini Sahari (PH-Putatan) pada sesi pertanyaan bagi jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Menjawab soalan tambahan, beliau berkata, bantuan penajaan pendidikan daripada PETRONAS diberi kepada pemohon yang layak dari segi merit dan tiada kelebihan, termasuk kuota istimewa diperuntukkan kepada negeri pengeluar minyak utama negara, termasuk Sabah dan Sarawak.

Awang Husaini ingin tahu sama ada kelebihan diberikan kepada pelajar Sabah dan Sarawak untuk memohon penajaan pendidikan pengajian tinggi PETRONAS memandangkan infrastruktur pendidikan kedua-dua negeri itu disifatkannya sebagai jauh kebelakang dan boleh mempengaruhi mutu pendidikan pelajar dan peluang penajaan.